

## UEM Edgenta Lancar Platform Ekosistem Digital Pertama – Edgenta NXT

- Penglibatan UEM Edgenta untuk memperkasakan perniagaan berasaskan teknologi melalui **Edgenta NXT**, sebuah platform ekosistem digital yang menjadi pemangkin untuk memacu perniagaan ke arah transformasi digital.
- QuickMed, produk pertamanya, menawarkan sistem pengurusan kesihatan utama alternatif kepada klinik perubatan am melalui pengelolaan berasaskan awan

**KUALA LUMPUR, 28 JULAI 2021** – UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta", atau "Syarikat"), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang terkemuka di rantau ini, hari ini mengumumkan pelancaran platform ekosistem digitalnya yang pertama, **Edgenta NXT**, sejajar dengan visi '*Edgenta of the Future 2025*' ("EoTF2025") untuk memacu Syarikat ke arah transformasi digital dan kemampanan organisasi dalam menyediakan perkhidmatan infrastruktur berasaskan awan yang menyeluruh di bawah **Edgenta NXT Cloud**.

**Edgenta NXT** memanfaatkan kepakaran inovasi sistemik UEM Edgenta dan menjadikannya harta intelektual berteknologi, meneroka penyelesaian berasaskan awan yang bermodelkan *Software-as-a-Service* ("SaaS") untuk membangunkan sistem rangkaian penyelesaian yang menyeluruh termasuklah *QuickMed, Smart Building, Smart Asset Management, Smart Project Management* dan *Smart Roadways* disokong oleh Alibaba Cloud, yang merupakan tulang belakang teknologi digital dan kepintaran Alibaba Group.

Platform ekosistem digital ini menyediakan tiga tawaran utama yang termasuk **Edgenta NXT Cloud**, **Edgenta NXT Marketplace**, dan **Edgenta NXT Procure**, untuk menyediakan pelanggan akses kepada pilihan penyelesaian pengurusan berasaskan awan proprietari yang akan menghubungkan, mengoptimum dan menyelaraskan operasi perniagaan mereka.

"**Edgenta NXT** adalah perniagaan berasaskan teknologi UEM Edgenta yang menjadi sebahagian daripada visi EoTF2025 untuk memacu syarikat ke arah penyelesaian teknologi berskala dalam fasa pertumbuhan kami yang seterusnya menerusi produk baharu dan pengembangan pasaran. Dengan teknologi yang menjadi pendorong untuk meningkatkan daya tahan perniagaan pada masa hadapan, platform ini wujud untuk memacu pertumbuhan yang mampan dan mencipta nilai bagi perniagaan pelanggan kami," kata Syahrizam Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

Pada majlis menandatangani perjanjian antara UEM Edgenta dan Alibaba Cloud, Syahrnzam turut berkata bahawa rekod prestasi Alibaba Cloud sebagai salah satu peneraju teknologi awan dengan standard keselamatan dan pematuhan yang tinggi membolehkan penyampaian penyelesaian terkini **Edgenta NXT** kepada perniagaan dan institusi, di samping memastikan sebarang data sensitif atau rahsia dilindungi secara menyeluruh.

Jordy Cao, Pengurus Besar Alibaba Cloud Intelligence Malaysia berkata, "Kami amat berbangga dapat menyokong UEM Edgenta untuk memulakan perjalanan yang menarik ini menerusi **Edgenta NXT**. Berbekalkan kepakaran industri mereka yang mendalam dan teknologi Cloud Alibaba kami yang terkini, **Edgenta NXT** akan menjadi pemangkin pertumbuhan dan akan mewujudkan lebih banyak nilai kepada pelanggan dan pihak berkepentingan."

Majlis pelancaran tersebut turut menyaksikan penyampaian khas daripada Khailee Ng, Pengarah Urusan 500 Startups, serta perbincangan panel yang dipengerusikan oleh Ibrahim Sani, Editor Kanan Hal Ehwal Semasa & Penerbit Eksekutif Astro Awani, mengenai topik daya tahan dalam ekonomi digital baharu. Barisan panel terdiri daripada Syahrnzam, bersama Azwan Baharuddin, Pengarah Urusan, Accenture Malaysia; Dzuleira Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Technology Park Malaysia Corporation dan Nadiyah Wan, Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif, TMC Life Sciences yang memfokuskan pada tema digitalisasi dan pengimbangan antara kecekapan dan inovasi.

"Kami percaya bahawa transformasi perniagaan yang berteraskan teknologi sangat penting untuk perniagaan terus kekal berdaya saing dalam ekonomi pasca COVID-19. Kami berada dalam kedudukan terbaik untuk membantu merapatkan jurang penggunaan teknologi di kalangan perniagaan. Pihak Kerajaan berhasrat menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi melalui penggunaan teknologi dan digitalisasi, dan melalui platform ekosistem tempatan ini, kami dapat membantu meningkatkan perniagaan utama tempatan dalam pelbagai industri agar lebih bersedia pada masa hadapan," tambahnya.

**Edgenta NXT** juga melancarkan produk penjagaan kesihatannya yang pertama - QuickMed, iaitu penyelesaian penjagaan kesihatan digital, bertujuan untuk meningkatkan kebolehcapaian dan kualiti penjagaan kesihatan dengan merapatkan jurang antara penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan dan masyarakat umum melalui platform penjagaan kesihatan pintar yang boleh diakses melalui aplikasi mudah alih. Antara pelbagai penyelesaiannya, QuickMed juga termasuk dalam usaha memerangi COVID-19 dengan membolehkan tempahan untuk ujian saringan COVID-19, menjadi nadi utama penggerak di Pusat Penilaian COVID-19 Swasta UELC yang pertama di negara ni dan membantu syarikat dalam menguruskan program saringan COVID-19 secara besar-besaran.

Sementara itu, 500 klinik yang pertama mendaftar bersama QuickMed akan mendapat langganan perkhidmatan percuma selama setahun\*. QuickMed juga sedang mencari 500 rakan kongsi ekonomi gig, termasuk para doktor, ahli farmasi, jururawat, dan pengamal perubatan lain untuk menjadi sebahagian daripada tenaga kerja digitalnya dalam usahanya untuk membangunkan penyelesaian penjagaan kesihatan digital.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com).

*\*Tertakluk pada Terma & Syarat. Sila layari <https://quickmed.care/> untuk maklumat lanjut.*

-Tamat-

#### **Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Sejajar dengan visi 'Edgenta of the Future 2025', perkhidmatan UEM Edgenta yang menyeluruh adalah didorong oleh kepakaran teknologi merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai pemangkin ke arah Syarikat Penyelesaian yang dipacukan oleh Teknologi dengan tumpuan pada perkhidmatan kesihatan menjelang tahun 2025.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.